

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

TARIKH : 15.6.2015

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diagihkan kepada seluruh IPTA bagi membiayai kos operasi setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peruntukan Pembangunan (*Development Expenditure-DE*) yang telah diagihkan kepada Universiti Awam (UA) ialah sebanyak RM1.949 bilion bagi tahun 2012, RM2.770 bilion bagi tahun 2013 dan RM1.212 bilion bagi tahun 2014.

Manakala, peruntukan mengurus tahunan yang disalurkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membiayai kos operasi semua UA di Malaysia pada tahun 2012 ialah berjumlah RM8.427 bilion, RM8.455 bilion pada tahun 2013 dan pada tahun 2014 berjumlah RM9.829 bilion.